

BAB DUA

PENGLIBATAN DALAM UMNO

Penjajahan Belanda di Indonesia telah melahirkan semangat perjuangan politik yang teguh dalam diri Khadijah. Pengalaman hidup dijajah menyebabkan beliau tidak keberatan ke Tanah Melayu apabila diundang untuk membantu menyemarakkan kesedaran dan kegiatan politik di Tanah Melayu untuk menentang British.

Pada 1946, Khadijah ke Singapura dengan menumpang sebuah trak tentera dari Bukit Tinggi, Sumatera ke Pekan Baru, Singapura.¹ Di Singapura, beliau menyambut baik idea Melayu Raya² yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).³ Antaranya ialah Burhanuddin Al-Helmy⁴ dan Ishak Haji Muhammad⁵.

¹ Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang, (ed.), *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 52.

² Melayu Raya atau Indonesia Raya adalah satu cita-cita perjuangan Ibrahim Haji Yaakob. Idea ini telah dipersetujui oleh Jepun dan Sukarno sebagai pemimpin Indonesia pada masa itu. Dr. Burhanuddin melihat pembentukan Indonesia Raya, sebuah negara Melayu yang besar berdasarkan persamaan keturunan, budaya serta peribadi kemelayuan. Dr. Burhanuddin menyalahkan British dan Belanda kerana memisahkan empayar Melayu di Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu. Namun cita-cita ini gagal kerana Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada 1945 sendirian. Justeru itu perjuangan mencapai Melayu Raya masih diteruskan dalam kegiatan PKMM. Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 38-39. Kamaruddin Jaafar, *Dr. Burhanuddin: Pemikiran dan Perjuangan*, Ikdas Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2000, hlm. 6.

Pada masa itu, kemerdekaan Indonesia telah diisyiharkan, tetapi ia masih tidak dikitiraf Belanda. Bagi Khadijah, Melayu-Raya yang memperjuangkan kemerdekaan bersama Indonesia, Tanah Melayu, Singapura dan Filipina dapat membantunya mendapatkan kemerdekaan Indonesia. Gerakan menuntut kemerdekaan bersama Indonesia ini sangat dijulang oleh Ibrahim Yaakob, menurutnya:

Sesungguhnya saya beroleh lah memberi pandangan berkenaan dgn perasaan Melayu-Raya pada masa akhir ini lepas dari hampir-hampir 500 s tahun lamanya mereka menghadapi perang saudara sehingga Semenanjung Tanah Melayu ini terbahagi ke pd beberapa puak yang Bernegeri dan berlawanan antara satu sama lain. Maka pada masa ini bukan shj di antara umat-umat Melayu, akan tetapi dengan umat-

³ PKMM adalah anggota terbesar PUTERA selain dari AWAS dan API. PKMM ditubuhkan di Ipoh pada 1945 yang juga merupakan parti politik berhaluan kiri, dipengerusikan oleh Burhanuddin Al-Helmy. Memperjuangkan Melayu Raya adalah salah-satu perjuangan utama PKMM. Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 31. Megat Terawis, *Jenayah Politik Kemerdekaan*, Teguh Cipta, Ipoh, 1987, hlm. 27-29.

⁴ Nama penuh beliau ialah Dr. Burhanuddin Muhammad Nor. Al-Helmy adalah gelaran yang diberikan kerana sikapnya yang berani dan bersopan santun. Dilahirkan di Kampung Changkat Tualang, Ipoh, Perak pada 1911. Beliau memimpin PKMM pada tahun 1946. Menjawat jawatan sebagai Presiden PAS pada tahun 10 November 1956. N. J. Funston, *Malay Politics in Malaysia, A Study of The United Malays National Organizations and Party Islam*, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd. Petaling Jaya, Selangor, 1980, hlm. 113. Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 31.

⁵ Beliau merupakan salah seorang pemimpin Kesatuan Melayu Muda (KMM). Ia adalah sebuah pertubuhan untuk menentang British dengan cara bekerjasama dengan Jepun. Beliau pernah menjadi pengarang majalah Semangat Asia, beliau juga merupakan seorang sasterawan yang memakai gelaran Pak Sako. Beliau banyak menulis buku untuk meniupkan semangat anti British kepada masyarakat. Beliau pernah dipenjarakan oleh British pada Pada 1941. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 111.

*umat Indonesia seramai 65 milion itu. Mereka ingin hendak bersatu bekerjasama tetapi hal ini hanyalah satu perasaan shj bahkan dan sebahagian ramai dari pihak kaum pertuanan dan daerah-daerah raja yang masih memegang teguh dengan perasaan lamanya sangat menentang akan perasaan baru hdk mempersatukan umat-umat Melayu yang serumpun itu.*⁷

Kata-kata Ibrahim Yaakub memberikan semangat kepada Khadijah Sidek untuk merealisasikan idea Melayu Raya. Beliau juga diperkenalkan dengan pemimpin-pemimpin Angkatan Pemuda Insaf (API)⁸ iaitu Ahmad Boestaman⁹ dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS).¹⁰ Perkenalan ini sebenarnya telah dirancang oleh PIM dan PERKABIM. Kedua-dua pertubuhan ini merupakan pertubuhan yang diasaskan di Indonesia yang bergerak secara aktif di Tanah

⁷ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikir Islam di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 201.

⁸ API adalah pertubuhan politik yang berhaluan kiri, ditubuhkan di sekitar tahun 1946 dan dipimpin oleh Ahmad Boestaman. Antara tujuan penubuhannya adalah untuk membantah rancangan Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu kerana menganggap UMNO terlalu bertolak ansur dengan British. Nazaruddin Mohd Jali, Ismail M.Rahsid, (et al.), *Kenegaraan Malaysia 1, Sejarah Awal dan Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 28-30.

⁹ Ahmad Boestaman ialah seorang wartawan dan ahli politik kiri. Beliau juga anggota KMM dan penaja PKMM dan API. Beliau telah dipenjarakan pada Julai 1948 sehingga Jun 1955 kerana kegiatannya dalam API. Beliau kemudiannya menubuhkan Parti Rakyat Malaya (PRM) yang bergabung dengan Parti Buruh Malaya (PIM) serta membentuk Socialis Front. Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 357. Firdaus Abdullah, *Radical Malay Politics, it's Early and Development*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, 1985, hlm. 67-83.

¹⁰ AWAS juga merupakan parti radikal yang ditubuhkan di sekitar tahun 1946. Dipimpin oleh Shamsiah Fakeh, parti ini bergabung dengan PKMM, API membentuk Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA). Mereka menolak cadangan Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. Matlamatnya lebih cenderung ke arah kemerdekaan bersama Indonesia. Megat Terawis, *Jenayah Politik Kemerdekaan*, hlm. 27-29.

Melayu dan Singapura. Pertubuhan ini dibentuk untuk mendapat simpati dan memungut derma bagi membiayai perjuangan mereka di Indonesia.

Khadijah menganggap perkenalan dengan pemimpin-pemimpin politik di Tanah Melayu ini sebagai sokongan dan kekuatan untuk menentang Belanda. Sokongan beliau kepada PKMM juga merupakan satu bentuk kerjasama untuk merealisasikan cita-cita Melayu Raya. Selepas setahun di Tanah Melayu, ini mendorong Khadijah menubuhkan Himpunan Wanita Indonesia Malaya (HIMWIM).¹¹

Presiden HIMWIM

HIMWIM merupakan sebuah pertubuhan politik tetapi berselindung di sebalik kerja-kerja sosial. Aktiviti-aktivitinya memberikan tumpuan kepada aspek-aspek pengurusan rumah tangga, kerja-kerja kebajikan dan kemasyarakatan.¹²

¹¹ Ia ditubuhkan pada Disember 1947. Tujuan penubuhannya ialah untuk menjaga kebajikan wanita Indonesia yang berhijrah ke Tanah Melayu. Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang (ed.), *Biografi Politik Pilihan Malaysia*, hlm. 61. Wazir Jahan Karim, “Malay Women ‘s Movement: Leadership and Processes of Changes”, dalam *International Social Science Journal*, Vol. 34, 4, 1983, hlm. 1

¹² Lenore Manderson, *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1942-1972* (terjemahan Shamsuddin Jaapar), Penerbit Fajar Bakti, Selangor, 1981, hlm. 83.

Penglibatan aktif wanita Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia memberi peluang kepada Khadijah untuk terus menyebarkan semangat anti British di kalangan ahli-ahlinya. Beliau turut menyedarkan kaum wanita agar membaiki taraf hidup mereka, bebas dari adat-adat lama yang mengongkong dan galakan menuntut ilmu, di samping aktif berpolitik.

Sebagai presiden, Khadijah perlu memastikan wang persatuan sentiasa mencukupi untuk menampung aktiviti yang dirancang. Untuk itu, ahli-ahli persatuan dikenakan yuran keahlian sebanyak RM 2.00 setahun dan 25 sen sebulan.¹³ Oleh sebab kadar bayaran itu masih tidak mencukupi, Khadijah dan ahli-ahli HIMWIM menjual hasil kraftangan persatuan kepada orang ramai.

Khadijah tidak dapat mencari pekerjaan tetap kerana sijil perguruannya tidak diiktiraf oleh kerajaan kolonel British di Singapura. Untuk menampung hidupnya, beliau membuka kelas-kelas jahitan secara kecil-kecilan dengan mengenakan yuran RM 10 sahaja sebulan.¹⁴ Walaupun pendapatannya tidak seberapa, namun keadaan ini tidak melemahkan beliau untuk terus memimpin HIMWIM.

¹³ Sidek Jamil, Transkripsi Dokumentasi Lisan Ibu Khadijah Sidek, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 14 Oktober 1976. Sri Susayanti Ramlan, “Khadijah binti Mohd Sidek, Aktiviti Politiknya di Indonesia, Singapura dan Tanah Melayu (1930-1960-an)”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1978, hlm. 8.

¹⁴ Wan Hashim Wan Teh (ed.), *Memoir Khadijah Sidek Puteri Kesatria Bangsa*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1995, hlm. 85. Berita Harian 20 Julai 1978, hlm. 6.

Kepimpinan Khadijah sebagai Presiden HIMWIM menarik minat beberapa pemimpin tempatan, seperti Dr. Hamzah Taib.¹⁵ Beliau merupakan seorang nasionalis yang berasal dari Johor. Beliau tertarik dengan keberanian dan bakat kepimpinan Khadijah di Singapura.

Beliau meminta Khadijah supaya membantunya untuk sama-sama menggiatkan persatuan-persatuan politik di bawah anjuran PKMM. Khadijah menyambut baik cadangan itu dan akhirnya bertemu jodoh dan menjadi isteri kedua kepada Dr. Hamzah. Mereka berkahwin pada 21 Jun 1948.¹⁶ Dr. Hamzah merupakan seorang pemimpin Lembaga Kesatuan Melayu Johor (LKMJ).

Dengan perkahwinannya dengan Dr. Hamzah secara tidak langsung Khadijah dapat memperkuatkan politiknya ke arah memberi kesedaran dan meningkatkan kedudukan sosial wanita di Malaya dan Singapura.

¹⁵ Merupakan seorang nasionalis Melayu Johor. Beliau berasal dari Kepulauan Sulawesi dan berbangsa Bugis. Beliau dilahirkan di Muar dan mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu kemudian melanjutkan pelajaran ke Government English School, Muar Johor. Kemudiannya beliau melanjutkan pelajarannya di Medical College King Edward VII di Singapura. Selepas menerima ijazah dalam bidang kedoktoran, beliau mula bergiat aktif dalam kegiatan politik di Johor. Beliau bekerjasama dengan PKMM untuk menentang UMNO. Ramlah Adam (ed.), “Dr. Hamzah Haji Taib (1900-1956)”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil 19, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 1-17.

Kehidupan Dalam Penjara

Walaupun Khadijah menjadi buruan pihak Belanda, beliau masih bergerak bebas dalam HIMWIM. Namun begitu, kegiatan-kegiatan Khadijah tidak terlepas daripada menjadi intipan British. Oleh sebab wujudnya kerjasama antara Belanda dan British maka Khadijah telah ditangkap oleh polis Singapura pada Oktober 1948 atas tuduhan cuba menggulingkan British di Singapura.¹⁷ Beliau juga dituduh menyeludup candu dan emas dari Indonesia ke Singapura. Beliau ditahan di Penjara Outram Road, Singapura.¹⁸

Penderitaan yang ditanggungnya di penjara agak berat. Pada masa itu beliau sedang mengandung anak pertamanya. Keadaan menjadi lebih menyedihkan kerana banduan-banduan di situ hanya dibenarkan menerima biskut daripada pelawat-pelawat.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Andek Masnah Andek Kelawa, *Kepimpinan Wanita Dalam Islam: Kedudukannya Dalam Syariah*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1999, hlm.143. Ramlah Adam, Wan Mohd Mahyiddin Wan Nawang (et al.), *Pergerakan Wanita UMNO Dalam Lima Dekad*, Kembangan Kristal, Kuala Lumpur, hlm. 19.

¹⁸ Khadijah disyaki terlibat dalam kongsi gelap yang membantu Indonesia merdeka dan pertubuhan ini dinamakan Kuang Hitam dan Rimau Putih. Pertubuhan kongsi gelap ini dikatakan dianggotai oleh golongan buruh dan pengangur dari Indonesia yang menetap di Singapura. Pertubuhan ini telah diharamkan oleh British tetapi ia masih bergerak secara tersembunyi. Zainuddin Abdullah, “Kesan-Kesan Politik Revolusi Indonesia di Tanah Melayu 1945-1949”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Sains Malaysia, 1982, hlm. 63. Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang (ed.), *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, hlm. 6.

Oleh sebab beliau mengandung, maka beliau diberikan makanan yang berbeza daripada banduan-banduan lain. Hidangannya setiap hari ialah nasi putih, ikan kering, sekeping roti dan sedikit sayur. Semasa di penjara, hanya suami dan adik perempuannya Rahimiar yang datang menziarahinya.

Pada Februari 1949, lebih kurang pada pukul 11.30 malam, beliau dikeharkan ke Hospital Kandang Kerbau, di Singapura kerana masa bersalin sudah hampir. Akhirnya Khadijah selamat melahirkan seorang anak perempuan yang diberi nama Khadria Taswim Malahayati.¹⁹ Bayi itu kemudiannya turut dimasukkan ke dalam penjara.

Semasa di penjara, Pihak polis Singapura dengan beberapa orang pegawai Belanda di Indonesia telah beberapa kali cuba menghantar beliau balik ke Indonesia tetapi Khadijah tidak mengendahkan arahan itu.²⁰ Beliau memberi alasan bahawa beliau berhak mendapat hak kerakyatan di Tanah Melayu kerana suaminya penduduk Tanah Melayu.

¹⁹ SP 53-Surat-Surat Persendirian Ibu Khatijah Sidek, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

²⁰ Sidek Jamil, Transkripsi Dokumentasi Ibu Khadijah Sidek, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 14 Oktober 1976.

Bebas Dari Tahanan

Khadijah telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Singapura atas dakwaan cuba menggulingkan kerajaan kolonial British di Singapura. Tetapi, akhirnya beliau bebas dari tuduhan tersebut kerana tidak terdapat bukti kukuh yang menunjukkan beliau terlibat dalam gerakan tersebut.

Enam bulan selepas itu, beliau telah dibebaskan dan dibenarkan balik ke Johor dalam tempoh 10 tahun iaitu dari 1950-1960.²¹ Tetapi beliau masih di bawah pemerhatian polis. Polis Singapura memberi pilihan kepada beliau sama ada tinggal di Batu Pahat, Muar atau Johor Bharu. Atas permintaan suaminya, beliau kemudiannya menetap bersama keluarga mertuanya di Muar.

Khadijah tidak senang hati tinggal di Muar. Kebanyakan jirannya mencemuh dan memandang rendah kepadanya kerana beliau bekas banduan. Kakak iparnya pula memaksa Khadijah melakukan semua kerja rumah. Beliau dianggap membebankan keluarga suaminya.

Khadijah mengambil keputusan untuk berpindah ke Johor Bharu, tempat suaminya bertugas. Pada waktu itu beliau sedang mengandung anak kedua.

²¹ Andek Masnah Andek Kelawa, *Kepimpinan Wanita Dalam Islam: Kedudukannya Dalam Syariah*, hlm. 145. Firdaus Abdullah, "Khadijah Sidek", Kertas Kerja Seminar Biografi Malaysia, 26-28 April 1986, Kuala Lumpur, hlm.15.

Dengan persetujuan daripada Mr. Woolnough²² beliau ke Johor Bharu. Di sini, beliau diperkenalkan dengan Persatuan Melayu Semenanjung (PERMAS). Pada 1951 pula, beliau telah dilantik sebagai Ketua Kaum Ibu PERMAS.²³

Setahun kemudian, beliau mengambil keputusan untuk keluar dari PERMAS kerana persatuan itu menghadapi masalah kewangan. Beliau juga menganggap dirinya tidak boleh menyumbang apa-apa untuk parti. Kira-kira tiga bulan setelah keluar dari PERMAS, beliau dipelawa oleh Ibu Hajah Zain untuk menganggotai UMNO. Namun, pada masa itu, keahliannya tidak diterima oleh Dato' Onn Jaafar.²⁴ Khadijah hanya menyertai UMNO pada April 1953, ketika UMNO dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman.

Setelah memasuki UMNO, Khadijah mula semakin serius dalam politik terutamanya dalam pergerakan Kaum Ibu UMNO. Tunku Abdul Rahman telah menerima Khadijah sebagai ahli parti, walaupun kehadiran beliau dalam UMNO

²² Beliau ialah seorang pegawai polis British yang bertugas di Johor Bharu. Beliau telah memberi permit kepada Khadijah untuk berpindah ke Johor pada masa itu kerana Khadijah masih lagi berada di bawah pemerhatian Polis. Wan Hashim Wan Teh (ed.), *Memoir Khadijah Sidek, Puteri Ksateria Bangsa*, hlm. 114.

²³ *Ibid.*, hlm.118.

²⁴ Dato'Onn dilahirkan di Bukit Gambir, Johor Bharu pada 3 Februari 1895. Beliau adalah anak Dato'Jaafar Haji Muhammad, Menteri Besar Johor yang pertama. Beliau merupakan Presiden UMNO yang pertama. Pada 1951 beliau keluar dari UMNO kerana ideanya yang mahukan UMNO disertai oleh orang-orang bukan Melayu ditentang oleh Tunku Abdul Rahman. Beliau kemudiannya menubuhkan Independence Malay Party (IMP). Ramlah Adam, *Dato'Onn: Pengasas Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm.1.

tidak diterima sepenuhnya. Tambahan pula pada masa itu, beliau masih lagi terikat dengan syarat-syarat yang dikenakan kerana pembebasan dari penjara.

Menurut Tunku Abdul Rahman:

Kita harus mengangkat tabik pada mereka yang masuk penjara kerana Mereka berjuang untuk rakyat dan untuk kemerdekaan. Kita patut berikan mereka bintang kerana keberanian mereka.²⁵

Penglibatan Dalam Kaum Ibu UMNO

Kaum Ibu UMNO telah ditubuhkan secara rasminya pada 25 Ogos 1949.²⁶

Sebenarnya sebelum ini Kaum Ibu UMNO telah ditubuhkan di sekitar tahun 1946. Selepas setahun struktur Kaum Ibu UMNO telah diperbesarkan dan ahlinya bertambah. Idea menubuhkan Kaum Ibu telah disuarakan oleh tiga orang wakil wanita yang turut hadir dalam Kongres Melayu Se-malaya pada Mei 1946.²⁷ Mereka berpendapat kaum wanita UMNO perlu disatukan untuk memantapkan lagi pergerakan parti.

²⁵ Wan Hashim Wan Teh, *Memoir Khadijah Sidek Puteri Ksateria Bangsa*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995, hlm. 119.

²⁶ Aishah Ghani, “Peranan Wanita UMNO Dalam Politik Kebangsaan”, Wan Hashim Wan Teh (ed.), *UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*, Terbitan Mahir Publication, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 262. Rujuk “Penyata Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia”, Kertas Kerja UMNO 1968-1970, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 12

²⁷ Mereka ialah Datin Puteh Mariah, wakil Perikatan Melayu Perak. Puan Zainab Abdul Rahman , wakil Perikatan Melayu Seberang Perai dan Saleha Mohd Ali wakil Perikatan Melayu Selangor. Virginia H. Danez, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, East Asian Social Science Monographs, Oxford University Press, Singapore, 1987, hlm.169. Lenore Manderson, *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972* (terjemahan Shamsuddin Jaapar), hlm. 97.

Matlamat Kaum Ibu ialah menggalakkan ahli-ahlinya bergiat cergas dalam politik, menitikberatkan pendidikan, kebudayaan, sukan, sosial dan agama.²⁸ Pertubuhan ini juga menggalakkan ahli-ahlinya ke arah kemajuan sosial dan bekerjasama dengan pertubuhan wanita yang lain. Datin Puteh Mariah²⁹ dilantik menjadi Ketua Kaum Ibu yang pertama.

Seminggu selepas Khadijah menyertai UMNO, beliau terpilih sebagai ahli Jawatankuasa Kaum Ibu UMNO. Pada April 1953, Khadijah menghadiri kongres UMNO di Melaka.³⁰ Dalam kongres itu, Khadijah membentangkan satu usul iaitu menuntut hak yang sama seperti kaum lelaki dalam UMNO.

Jika sebelum ini cawangan Kaum Ibu hanya dibenarkan menghantar empat orang wakil sahaja setiap kali kongres diadakan, tetapi kali ini beliau mendesak agar bilangan itu ditambah. Usulnya ditolak oleh presiden parti.

²⁸ Lenore Manderson, *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972* (terjemahan Shamsuddin Jaapar), hlm. 98.

²⁹ Nama sebenar beliau ialah Puan Sri Putih Mariah binti Ibrahim Rashid. Beliau merupakan Ketua Kaum Ibu Pertama. Penyertaan beliau dalam politik bermula sebagai ahli biasa dalam Perikatan Melayu Perak pada 1945-1955. Rujuk N. J. Funston, *Malay Politic in Malaysia, a Study of The United Malays Organisations and Party Islam*, Heinemann Educational Books Asia Ltd, Petaling Jaya, Selangor, 1980, hlm. 177-179. Maheran Haji Mustafa, “Peranan Wanita Melayu Dalam Politik UMNO di Malaysia”, Latihan Ilmiah, B.A., Rancangan Pengajian Gender, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 35.

³⁰ Lenore Manderson, *Wanita, Politik Dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia, 1945-1972* (terjemahan Shamsuddin Jaapar), hlm. 169. Rujuk “The Kaum Ibu UMNO, It’s History and Achievement”, Kertas Kerja UMNO, 1991, Kuala Lumpur, hlm. 1-3.

Khadijah masih tidak berpuas hati, beliau terus membincangkan usul ini dalam mesyuarat Kaum Ibu di Johor supaya hak wanita dalam parti disamaratakan dengan lelaki. Ideanya juga ditentang oleh ahli-ahli persatuan. Ini kerana pada masa itu mereka masih kurang yakin dengan kepimpinan wanita. Ketokohan Khadijah sebagai pemimpin wanita yang tegas dan berani diakui oleh Tunku Abdul Rahman. Khadijah akhirnya dilantik sebagai Pegawai Penerangan Kaum Ibu semasa kongres akhir tahunan UMNO di Alor Setar, Kedah pada 1954.³¹

Sebagai Pegawai Penerangan Kaum Ibu, beliau banyak mengunjungi kampung-kampung dan berkempen untuk menambahkan ahli UMNO. Beliau turut menyedarkan wanita-wanita luar bandar supaya melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan kemasyarakatan. Justeru itu, Khadijah telah mengembara ke seluruh pelusuk negeri untuk meramaikan ahli UMNO. Beliau pernah tinggal selama 25 hari di Negeri Sembilan, membuka cawangan Kaum Ibu di Pontian, Kota Tinggi, Johor, Perak dan di beberapa buah negeri lagi. Beliau juga sentiasa memberi suntikan semangat di kalangan kaum ibu. Menurut Khadijah:

*Kita mesti perkuatkan parti kita. Saya bukannya minta puan-puan Berjuang di medan tempur, saya hanya minta kalian menyertai kami, dan bekerja bersama dengan kami untuk menjadikan parti kita kuat supaya kita memperolehi kemerdekaan daripada British.*³²

³¹ Lenore Manderson, *Ibid.*

³² Wan Hashim Wan Teh (ed.), *Memoir Khadijah Sidek, Puteri Kesatria Bangsa*, hlm. 131. Rujuk juga Khairdil bin Su'ut, " Biografi Khadijah Sidek", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2001/2002, hlm. 42-43.

Khadijah juga banyak memberi tunjuk ajar kepada kaum wanita dalam setiap cawangan yang ditubuhkannya. Khadijah banyak menerangkan nilai-nilai demokrasi, berani, tidak sompong, prihatin dalam kepimpinan. Selain itu, Khadijah juga menyemai semangat menuntut kemerdekaan kepada penduduk tempatan dengan ucapan dan syarahan serta mengajar lagu merdeka.

Setelah 10 bulan beliau dilantik menjadi Pegawai Penerangan, beliau telah berjaya menambah keahlian Kaum Ibu UMNO kepada seramai 10, 000 orang. Memandangkan sumbangan besarnya itu, beliau akhirnya dilantik menjadi Setiausaha Ibu UMNO dan Pemangku Ketua Ibu UMNO.³³

Ketua Kaum Ibu

Pada Oktober 1954, dalam Perhimpunan Kaum Ibu UMNO Khadijah terpilih sebagai Ketua Kaum Ibu yang ketiga menggantikan Ibu Zain.³⁴ Pemilihan itu adalah berdasarkan kepada kepimpinan, jasa dan sumbangan beliau sebelum ini.

³³ Rujuk “The Kaum Ibu Movement, It’s History and Achievement”, Kertas Kerja UMNO, 1991. hlm.1-3. Sidek Jamil, Transkripsi Dokumentasi Ibu Khadijah Sidek, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 14 Oktober 1976.

³⁴ Nama sebenar beliau ialah Tan Sri Hajah Zainon Sulaiman, merupakan Ketua Kaum Ibu yang kedua (1950-1953). Beliau pernah menyertai pilihan raya bagi kawasan Pontian Selatan, meletakkan jawatan sebagai wakil rakyat pada tahun 1964. Beliau juga orang pertama yang mencadangkan agar Hari Wanita dirayakan setiap tahun. Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang (ed.), *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, hlm. 4. “Rujuk Pergerakan Wanita UMNO 40 Tahun”, Kertas Kerja UMNO, 1 November 1989, Kuala Lumpur, hlm. 52.

Semasa menjadi Ketua Kaum Ibu UMNO, Khadijah sangat menekankan kepentingan pendidikan. Khadijah juga mendesak supaya kaum wanita membuang sikap menyerah diri dalam hidup yang menyebabkan berlakunya kemiskinan dalam masyarakat Melayu.

Pandangan Khadijah mengenai penglibatan wanita dalam pilihan raya juga berbeza dengan Datin Puteh Mariah dan Ibu Zain. Beliau menganggap bahawa terdapat beberapa halangan yang menghalang penyertaan wanita sepenuhnya dalam parti. Halangan yang utama ialah perwakilan wanita dalam UMNO sangat terhad.

Dalam satu persidangan yang diadakan di Pulau Pinang pada Oktober 1954, Khadijah mencadangkan agar wakil kaum ibu bertanding lima kerusi di Parlimen pada pilihan raya 1955. Tetapi, usul ini ditolak Ahli-ahli UMNO yang membantah cadangan itu termasuklah Syed Jaafar Albar.³⁵ Penolakan ini menyebabkan Khadijah berasa kecil hati kerana menurutnya, bakat kepimpinan wanita tidak dapat dicungkil sekiranya mereka tidak diberi peluang.

Walaupun usulnya ditolak, beliau tidak berputus asa. Beliau terus mendesak pemimpin atasannya supaya menambah perwakilan wanita dalam Dewan

³⁵ Pada masa itu beliau memegang jawatan sebagai Pegawai Penerangan UMNO, beliau terkenal dengan sikap berterus terang dan berani menyuarakan pendapat sehingga digelar Singa UMNO. Rujuk S. H. Alattas, *Bahtera Lama Nakhoda Baru*, Al Nujum Enterprise, Johor, 1979, hlm. 51.

Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen.³⁶ Oleh itu, beliau mengadakan lawatan seluruh tanah air untuk mendapatkan sokongan kaum wanita. Khadijah dapat mempengaruhi wanita luar bandar untuk menyertai parti dengan cara bergaul mesra dan tinggal bersama mereka.

Tindakan ini menyebabkan beliau dianggap sebagai pemimpin yang berfahaman radikal. Selepas dua minggu dilantik sebagai Ketua Kaum Ibu, keahliannya telah dilucutkan oleh UMNO cawangan Johor Bharu. Ini kerana Khadijah didakwa telah mendedahkan rahsia yang dibincangkan secara tertutup oleh Majlis Tertinggi UMNO kepada Perhimpunan Agung.³⁷

Sebenarnya Khadijah telah meminta Tunku melantiknya sebagai Pegawai Penerangan UMNO, tetapi cadangan itu ditentang oleh Syed Jaafar Albar kerana baginya jawatan itu untuk kaum lelaki sahaja. Beliau kemudiannya mendedahkan perkara itu dalam Perhimpunan Agung kerana menganggap itu bukan perkara rahsia. Beliau membincangkan perkara itu dalam mesyuarat agong untuk mendapatkan reaksi perwakilan-perwakilan UMNO tentang cadangannya itu.³⁸

³⁶ *Straits Times*, 17 August 1955.

³⁷ *Straits Times*, 3 August, 1955.

³⁸ Wan Hashim Wan Teh (ed.), *Memoir Khadijah Sidek, Puteri Kesatria Bangsa*, hlm. 151.

Pada 1955, beliau mendesak supaya diadakan pemilihan calon wanita untuk bertanding dalam pilihan raya pada September 1955. Kali ini beliau bertekad memulau kempen UMNO sekiranya tidak ada wanita yang bertanding sebagai calon parti. Desakan ini dibuat dalam persidangan Agong kaum Ibu pada 15 Oktober 1954.³⁹ Selain itu, beliau juga mengancam untuk menarik sokongan wanita apabila tidak ada wanita yang dipilih antara satu hingga lima calon dalam Majlis Perundangan Persekutuan.

Walaupun terdapat golongan wanita yang menyokongnya kerana permintaan berkenaan memenuhi selera dan kehendak kaum wanita yang berkeinginan untuk mencapai taraf yang sama dalam semua perkara dengan kaum lelaki dalam bidang politik. Namun demikian, masih ada golongan wanita UMNO yang masih memegang kukuh nilai-nilai tradisional dan mereka agak keberatan untuk menyokong Khadijah.

Seminggu kemudian, pada 11 Ogos 1955, Kaum Ibu cawangan Bukit Mertajam bangkit menyuarakan rasa tidak puas hati kerana tidak ramai wanita yang dipilih sebagai calon dalam pilihan raya 1955.⁴⁰ Tunku Abdul Rahman tidak mengenepikan wanita sama sekali tetapi beliau lebih mengutamakan kaum

³⁹ *Straits Times*, 5 August, 1955. Sila lihat Khaidil bin Su'ut, "Biografi Khadijah Sidek", Latihan Ilmiah, B.A, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001/2002, hlm. 55.

⁴⁰ Virginia H. Danez, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, hlm. 98.

lelaki. Tambahan pula pada masa itu tidak ramai wanita yang betul-betul layak menjadi pemimpin.

Sikap Khadijah yang menekankan lebih ramai wanita yang terlibat dalam Majlis Tertinggi UMNO, tuntutan menambah perwakilan wanita dalam pilihan raya turut menjadi faktor penting pemecatan beliau dari cawangan UMNO Johor Bharu.

Pemecatan dari UMNO 1956

Gaya pidato dan tindakan Khadijah menyebabkan beliau tidak berapa dikenali di kalangan ahli-ahli parti kanan. Dengan mempunyai suara yang lebih lantang dari Ketua kaum Ibu yang awal menyebabkan beliau dicap sebagai seorang pemimpin yang berfahaman radikal dan panas baran. Saranannya yang cuba memisahkan Kaum Ibu daripada UMNO sendiri menimbulkan kemarahan Ibu Zain dan Tunku Abdul Rahman.⁴¹ Beliau menyarankannya demikian kerana menganggap Kaum Ibu mampu berdiri sendiri tanpa UMNO.

Selain itu, beliau dituduh melakukan penganiayaan terhadap Salmiah Kechik. Gadis itu dibayar RM 30 sebulan sebagai pembantu Khadijah. Mengikut

⁴¹ Temu bual dengan Hajah Aishah Ghani, di pejabatnya Syarikat Jaya Murni Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 10 Januari 2002.

Khadijah, Salmiah bersetuju dengan perjanjian ini dan hal ini dimaklumkan kepada Tunku Abdul Rahman kerana bayaran gaji itu daripada wang parti.

Tetapi, selepas tiga bulan Salmiah mendakwa gaji beliau tidak dibayar sepenuhnya. Dakwaan Salmiah menyebabkan Khadijah dituduh oleh Ahli Majlis Tertinggi UMNO cawangan Johor Bharu sebagai menyalahgunakan wang parti. Tetapi setelah disiasat, didapati tuduhan itu tidak benar.⁴²

Sikap agresif Khadijah yang banyak menimbulkan kontroversi ini membimbangkan Tunku Abdul Rahman. Tunku Abdul Rahman sendiri telah memberi amaran keras agar Khadijah menghentikan perbuatannya yang melanggar disiplin parti. Pada 10 November 1956 pula, Jawatankuasa Kerja bersidang untuk membincangkan kesalahan-kesalahan Khadijah yang dianggap melanggar peraturan parti.⁴³

Khadijah Sidek tidak hadir kerana anaknya sakit. Pada 14 November 1956, sebuah Jawatankuasa Kerja UMNO telah membincangkan tuduhan – tuduhan tersebut yang di ketuai oleh Dato' Abdul Razak Hussien, Abdul Aziz Ishak, Mohd Khir Johari dan Dato' Senu Abdul Rahman. Berdasarkan keputusan itu beliau secara rasminya dilucutkan jawatan sebagai Ketua Kaum Ibu oleh Mesyuarat Majlis kerja Tertinggi UMNO yang bersidang pada 10 November 1956. Beliau dipecat atas beberapa alasan.

⁴² Temu bual dengan Aishah Ghani pada 10 Januari 2002.

Antaranya beliau telah bertindak bertentangan dengan peraturan-peraturan parti dan tindak-tanduknya juga boleh merosakkan UMNO. Pidatonya juga dikatakan terlalu lantang dan boleh merosakkan imej parti. Beliau juga sukar bekerjasama dan selalu bertindak sesuka hati tanpa berbincang dengan ahli-ahli UMNO.⁴⁴

Khadijah merupakan satu-satunya pemimpin Kaum Ibu , yang dipecat dari parti UMNO.⁴⁵ Sebenarnya, usaha penyingkiran Khadijah sebagai ahli UMNO telah berlaku pada tahun 1954 lagi oleh segelintir golongan tertentu di kalangan UMNO Johor Bharu.⁴⁶

Walaupun usaha pemecatan Khadijah pada tahun 1954 mengalami kegagalan, namun mereka tetap berusaha untuk menjatuhkan Khadijah. Usaha mereka akhirnya berjaya juga pada tahun 1956.

Akibat daripada isu kontroversi yang timbul, ditambah lagi dengan tuduhan melanggar parti. Undi tidak percaya telah dibuat kepadanya sejak 1954

⁴³ *Utusan Melayu*, 12 November 1954.

⁴⁴ *Straits Times*, 12 Oktober 1956.

⁴⁵ Temubual bersama Hajah Aishah Ghani pada 10 Jnuari 2002.

⁴⁶ Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang (ed.), *Biografi politik Pilihan Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 62.

lagi, tetapi perlucutan kuasanya hanya boleh dilakukan oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO.⁴⁷ Menurut seorang Pengkaji iaitu Prof Firdaus Abdullah:

*Dalam keadaan dia berkejar-kejaran dengan waktu mengembang semangat Kaum Ibu Melayu itu, Khadijah nampaknya tetap dikejar oleh sengketa atau konflik dan oleh fitnah dan iri hati yang sering dihadapinya dalam berbagai-bagai ragam dan bentuk semenjak dia di bangku sekolah lagi.*⁴⁸

Peristiwa pemecatan itu menyebabkan Khadijah merasa terpukul. Tambahan pula, akibat menghadapi masalah kewangan, beliau hanya mampu membantah, merayu dan mengecam tindakan tersebut dalam akhbar. Khadijah meminta Mesyuarat Majlis Tertinggi supaya beliau dipertimbangkan untuk rayuan tetapi ditolak.⁴⁹

Khadijah merasa sangat kesal dengan tindakan UMNO. Akibat pemecatan itu, Khadijah menghadapi masalah dalam kehidupannya.

*Apabila ibu dipecat dari UMNO, ibu merajuk mahu balik saja ke Indonesia. Ibu kecewa kerana orang mempersoalkan ibu dari Indonesia atas sebab-sebab kepentingan politik mereka, tetapi tidak pula mempersoalkannya di atas sumbangan ibu kepada perjuangan menuntut Kemerdekaan Tanah Melayu.*⁵⁰

⁴⁷ Ramlah Adam, " Pergerakan wanita UMNO Malaysia 1945-1972: Satu Analisa", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, hlm. 53.

⁴⁸ Firdaus Abdullah, "Khadijah Sidek", dalam Abdulllah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang (ed.), *Biografi Tokoh pilihan Malaysia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 61.

⁴⁹ *Malay Mail*, 22 Oktober 1956.

⁵⁰ Abdul Samad Idris, *25 Tahun Merdeka*, Pustaka Budiman, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 257.

lagi, tetapi perlucutan kuasanya hanya boleh dilakukan oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO.⁴⁷ Menurut seorang Pengkaji iaitu Prof Firdaus Abdullah:

*Dalam keadaan dia berkejar-kejaran dengan waktu mengembang semangat Kaum Ibu Melayu itu, Khadijah nampaknya tetap dikejar oleh sengketa atau konflik dan oleh fitnah dan iri hati yang sering dihadapinya dalam berbagai-bagai ragam dan bentuk semenjak dia di bangku sekolah lagi.*⁴⁸

Peristiwa pemecatan itu menyebabkan Khadijah merasa terpukul. Tambahan pula, akibat menghadapi masalah kewangan, beliau hanya mampu membantah, merayu dan mengecam tindakan tersebut dalam akhbar. Khadijah meminta Mesyuarat Majlis Tertinggi supaya beliau dipertimbangkan untuk rayuan tetapi ditolak.⁴⁹

Khadijah merasa sangat kesal dengan tindakan UMNO. Akibat pemecatan itu, Khadijah menghadapi masalah dalam kehidupannya.

*Apabila ibu dipecat dari UMNO, ibu merajuk mahu balik saja ke Indonesia. Ibu kecewa kerana orang mempersoalkan ibu dari Indonesia atas sebab-sebab kepentingan politik mereka, tetapi tidak pula mempersoalkannya di atas sumbangan ibu kepada perjuangan menuntut Kemerdekaan Tanah Melayu.*⁵⁰

⁴⁷ Ramlah Adam, " Pergerakan wanita UMNO Malaysia 1945-1972: Satu Analisa", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, hlm. 53.

⁴⁸ Firdaus Abdullah, "Khadijah Sidek", dalam Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang (ed.), *Biografi Tokoh pilihan Malaysia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 61.

⁴⁹ *Malay Mail*, 22 Oktober 1956.

⁵⁰ Abdul Samad Idris, *25 Tahun Merdeka*, Pustaka Budiman, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 257.

Dalam tempoh ini (1954-1956), beliau dicap oleh UMNO sebagai seorang pemimpin yang tidak berpendirian, terlalu agresif dan seorang yang mementingkan pangkat dan jawatan. Tetapi, beliau juga diakui sebagai seorang pemimpin yang mempunyai semangat juang yang tinggi.

Pemecatan Khadijah dari parti menyebabkan bahagian Kaum Ibu membantah. Ada yang memihak kepadanya terutamanya Kaum Ibu cawangan Pulau Pinang, Kelantan dan Kedah.⁵¹ Mereka berpendirian tindakan memecat Khadijah Sidek adalah tidak wajar.

Semasa tempoh dua tahun Khadijah memegang jawatan sebagai pemimpin Kaum Ibu adalah merupakan tahun-tahun yang bergolak. Beliau diracuni oleh tuduhan, ancaman dan dakwaan. Justeru itu, kesetiaan beliau pada wanita kampung, lawatan yang terus menerus dilakukan beliau telah menaikkan semangat wanita –wanita Melayu. Dalam tempoh yang singkat ini, beliau telah dicap sebagai tidak berpendirian dan aneh. Tetapi beliau diakui sebagai seorang pemimpin yang berbakat besar. Namun begitu, Khadijah tetap redha dengan apa yang berlaku dan menerima semua itu dengan tenang. Menurutnya:

Tuhan boleh menaikkan seseorang makhluk itu ataupun menurunkannya... Mungkin masanya belum tiba bagi saya naik. Kita mesti terima segala-galanya dengan tenang dan tabah kerana itu kehendak Allah.⁵²

⁵¹ Lenore Manderson, *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1946-1972* (terjemahan Shamsuddin Jaapar), hlm. 173.

⁵² Wan Hashim Wan Teh, *Memoir Khadijah Sidek, Puteri Kesatria Bangsa*, hlm. 173.

Ahli-ahli Kaum Ibu masih menghormatinya kerana beliau banyak mengetengahkan kaum wanita untuk menjadi pemimpin. Pengganti beliau ialah Fatimah Hashim.⁵³ Fatimah Hashim dilantik oleh Majlis Tertinggi UMNO pada malam Khadijah Sidek dipecat. Fatimah Hashim telah ditugaskan untuk memperkuatkan Kaum Ibu.

⁵³ Tan Sri Fatimah Haji Hashim, Ketua Kaum Ibu yang keempat. Penyertaanya dalam UMNO bermula pada tahun 1947 di Johor Bharu. Pada tahun 1949 beliau dilantik menjadi Setiausaha UMNO cawangan Johor Bharu. Beliau juga telah terpilih menyertai pilihan raya umum pada 1959 bersama-sama Ibu Zain. Beliau meletak jawatan sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO pada 1972 dan Menteri Kebajikan Am Malaysia pada 1973. Lenore Manderson, *Wanita: Politik dan*